



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

5.00pm, 26.4.2025

Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.

CEO, PBAPP and PBAHB.

SWSI APRIL 2025: MENGIKUT JADUAL UNTUK PEMULIHAN BEKALAN AIR 40% MENJELANG 10.00 MALAM INI

PULAU PINANG, Sabtu, 26.4.2025: PBAPP telah memulakan operasi pemulihan bekalan air untuk 40% daripada 341,708 pengguna air yang terjejas oleh gangguan bekalan air berjadual (SWSI) April 2025, mengikut jadual:

- Fasa 1 (40%): Pemulihan menjelang 10.00 malam ini (26.4.2025) untuk semua pengguna air yang terjejas di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Daerah Timur Laut (DTL) Pulau Pinang.
- Fasa 2 (88%): Pemulihan menjelang 10.00 malam esok (27.4.2025) untuk majoriti pengguna terjejas di Seberang Perai Selatan (SPS) dan Daerah Barat Daya, Pulau Pinang (DBD). Majoriti ini termasuk semua kilang di kawasan perindustrian, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan USM.
- Fasa 3 (100%): Pemulihan menjelang 10.00 pagi pada hari Isnin (28.4.2025) untuk baki 41,523 pengguna di kawasan perumahan hujung talian (EoL) dan tanah tinggi di SPS dan DBD.

Setakat jam 4.00 petang hari ini, 22 daripada 23 projek kerja air telah berjaya disiapkan.

Satu-satunya projek yang belum disiapkan ialah sambungan saluran paip yang berkaitan dengan projek Saluran Paip Merentasi Sungai Perai (SP-RCP).

Lubang yang digali untuk sambungan yang tinggal ini telah dinaiki air sehingga awal pagi ini. Kontraktor tidak mempunyai pam air yang mencukupi di tapak untuk mengeluarkan air. Oleh itu, kerja-kerja telah ditangguhkan. Status sambungan terakhir ini adalah 49% pada pukul 4.00 petang hari ini.

Walau bagaimanapun, PBAPP telah mengaktifkan "Pelan B" untuk memulihkan bekalan air mengikut Fasa 1 jadual SWSI April. Kami akan mengepam lebih banyak air terawat ke DTL menggunakan saluran paip lain dan Saluran Paip Bawah Laut Kembar Pulau Pinang ke-3 (3rd PTSP).



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Oleh itu, walaupun kerja-kerja penyambungan akhir SP-RCP sedikit tertangguh, PBAPP berusaha untuk kekal mengikut jadual pemulihan bekalan air. Pasukan PBAPP sedang bekerja untuk memastikan semua pengguna air yang terjejas mendapat bekalan air mereka kembali tepat pada masanya.

Kami akan terus memaklumkan perkembangan terkini kepada pengguna air melalui halaman Facebook PBAPP.

Terima kasih.

Issued by : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Korporat Komunikasi
Email : comms@pba.com.my